

KRISIS KEWANGAN GREECE: FAKTOR-FAKTOR KRISIS MENURUT TEORI MARXIST

Abdul Muiz bin Azmi
Fakulti Undang-Undang dan Hubungan
Antarabangsa (FUHA)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala
Terengganu
Terengganu Darul Iman
Malaysia
Email: abdulm989@gmail.com

Mohd Afandi Salleh, Phd
Fakulti Undang-Undang dan Hubungan
Antarabangsa (FUHA)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala
Terengganu
Terengganu Darul Iman
Malaysia
Email: afandi@unisza.edu.my

Abstrak

Dunia dikejutkan dengan krisis kewangan global yang meledak pada tahun 2007-2008. Krisis kewangan global 2007-2008 adalah paling teruk sejak semenjak Kemelesetan Besar (Great Depression) pada 1930-an. Krisis bermula daripada kejatuhan pasaran pajak gadai subprima di Amerika Syarikat dan akhirnya merebak ke Eropah. Salah satu negara Eropah yang mengalami krisis kewangan adalah Greece. Greece berdepan dengan masalah hutang dan belanjawan defisit. Kesan daripada krisis kewangan ini membawa Greece ke kancah masalah seperti pengangguran, peningkatan kos barangan dan perkhidmatan, pengurangan gaji, masalah insurans kesihatan, pembangunan sosial rakyat Greece terjejas dan sebagainya. Malah, agensi penarafan Standard & Poor's telah menuruntaraf bon kerajaan Greece. Disebabkan itu, Greece telah mula melakukan langkah-langkah penjimatan dan memohon pinjaman kewangan daripada IMF dan EU. Pada Mei 2010, EU dan IMF telah bersetuju memberi bantuan kewangan dengan syarat-syarat pembiayaan. Tindakan Greece melakukan langkah-langkah penjimatan mendapat bantahan daripada rakyat Greece. Mereka merusuh ke jalan raya sebagai membantah dasar tersebut. Krisis kewangan yang dihadapi oleh Greece ini juga menimbulkan persoalan masa depan zon euro dan mata wang tunggal euro. Kertas ini akan membincangkan secara tuntas mengenai punca-punca krisis kewangan di negara Greece. Kertas ini juga akan melihat krisis kewangan Greece dari sudut pandang teori Marxist. Data-data penting dikutip melalui agensi kerajaan Greece dan bahan-bahan bacaan bercetak atau elektronik.

Kata kunci: *krisis kewangan, Greece, Marxist, hutang, defisit*

PENGENALAN

Krisis kewangan global 2007-2008 adalah yang paling teruk semenjak Kemelesetan Besar (Great Depression) pada 1930-an. Krisis kewangan mempunyai kesan mendalam, lebih daripada yang dijangkakan oleh banyak pihak. Walaupun ekonomi global dalam pemulihan, keyakinan dalam pasaran masih lemah dan penyertaan dalam pasaran masih mencari arah ke hadapan (Vivudh Bahtia, 2011).

Tiga negara – Greece, Ireland dan Portugal telah meminjam wang daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan negara-negara Eropah lain untuk mengelakkan muflis (R.M.Nelson, et al). Negara pertama yang dilihat kritikal adalah Greece. Sejak bulan November 2009, Greece telah berada di tengah-tengah krisis kewangan paling buruk dalam sejarah moden. Greece adalah negara yang mempunyai tahap hutang awam tertinggi di dalam Zon Eropah dan defisit belanjawan terbesar. Kertas ini cuba mencari faktor-faktor krisis kewangan Greece dan melihat penjelasan krisis tersebut menurut teori Marxist.

Greece terperangkap dalam kemuflihan, daya saing yang rendah dan kelembapan ekonomi menebal. Masalah ini adalah disebabkan oleh pengurusan ekonomi yang lemah, rasuah dan perbelanjaan membazir yang membawa kepada hutang negara mencecah 113%. Perbelanjaan defisit adalah 13.6% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2009. Hutang negara dijangka meningkat kepada 200% daripada KDNK tidak lama lagi. Kedudukan kewangan sektor awam menjadi kritikal kepada hasil kerajaan (cukai dan pendapatan) tidak cukup untuk membayar gaji kakitangan awam (Mahani. 2011).

Faktor-Faktor Krisis

Perbelanjaan besar kerajaan dan hasil kerajaan lemah

Antara tahun 2001 dan 2007, KDNK Greece meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 4.3 peratus berbanding dengan purata zon euro sebanyak 3.1 peratus (IMF:2009). Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi didorong oleh peningkatan dalam penggunaan swasta dan pelaburan awam yang dibiayai oleh Kesatuan Eropah dan kerajaan pusat. Walaubagaimanapun, dalam tempoh enam tahun yang lalu perbelanjaan kerajaan pusat meningkat sebanyak 87 peratus, hasil bertambah sebanyak 31 peratus yang membawa kepada defisit belanjawan melebihi pada kadar yang dipersetujui oleh Kesatuan Eropah iaitu sebanyak 3 peratus (Greek Ministry of Finance: 2010). Pemerhati juga mengenal pasti pentadbiran awam yang besar dan tidak cekap, pencen, penjagaan kesihatan mahal dan pengelakan cukai sebagai faktor utama defisit di Greece (ibid).

Menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), pada tahun 2004, perbelanjaan ke atas pentadbiran awam di Greece adalah lebih tinggi berbanding negara-negara anggota OECD yang lain tanpa tiada bukti bahawa kuantiti dan kualiti perkhidmatan yang lebih unggul (OECD Economic Survey: 2007). Trend ini berterusan. Perbelanjaan kerajaan Greece pada tahun 2009 menyumbang kepada 50 peratus daripada KDNK dengan 75 peratus daripada perbelanjaan awam pergi kepada gaji dan faedah-faedah sosial (IMF Survey: 2010). Kerajaan Greece secara berturut-turut mengambil langkah untuk memodenkan dan menyatukan pentadbiran awam. Walaubagaimanapun, pemerhati terus mengambil lebih kakitangan dan produktiviti lemah di sektor awam sebagai halangan kepada prestasi ekonomi yang bertambah baik.

Populasi golongan berumur di Greece yang dijangka meningkat dari 19 peratus pada tahun 2007 kepada 32 peratus pada 2060 akan menjadi beban tambahan terhadap perbelanjaan awam dan secara meluas dianggap sebagai salah satu sistem pencen terbaik di Eropah. Menurut OECD, kadar pengantian 70-80 peratus daripada gaji termasuk apa-apa faedah daripada skim tambahan yang tinggi dan menerima pencen penuh hanya memerlukan 35 tahun caruman berbanding 40 tahun di negara-negara lain (OECD Economic Survey: 2009). Jumlah bayaran pencen awam Greece dijangka meningkat sebanyak 11.5 peratus daripada KDNK pada tahun 2005 kepada 24 peratus pada 2050.

Kutipan hasil cukai yang lemah juga menyumbang kepada defisit belanjawan Greece. Ramai ahli ekonomi Greece mengenal pasti pengelakan cukai tanpa rekod sebagai faktor utama disebalik defisit. Mereka berhujah bahawa Greece perlu menangani masalah-masalah ini untuk meningkatkan hasil yang diperluka untuk membaiki kedudukan fiskal. Beberapa kajian telah menilai ekonomi tidak rasmi di Greece di antara 25-30 peratus daripada KDNK (OECD Economic Survey: 2009). Pemerhati ekonomi menawarkan pelbagai penjelasan untuk mengenai pengelakan cukai di Greece, termasuk tahap cukai dan kod cukai yang kompleks, peraturan yang berlebihan dan ketidakcekapan dalam sektor awam.

Seperti perdana menteri terdahulu Constattine Karamanlis, Papanandreu komited untuk bertindak atas pengelakan cukai dan sumbangan keselamatan sosial. Walaubagaimanapun, kerajaan terdahulu menurut pemerhati, telah berjaya melalui inisiatif yang sama.

Pengembangan sektor awam pada 1980-an

Kebanyakan penulisan menegaskan bahawa akar krisis kewangan Greece semasa boleh dikesan kembali ke tahun 1890-an. Andreas Papandreu, Perdana Menteri Greece dari 1981-1989 dan 1993-1996, telah mewujudkan sektor awam yang tidak cekap secara meluas berterusan hingga ke hari ini (Donadio and Kitsantonis 2010). Tempoh Papandreu ini bermula pada masa yang sama apabila Greece menyertai Komuniti Eropah (EC) pada tahun 1981 (Clogg: 1993). Beliau telah mengambil kesempatan daripada banyak geran dan subsidi pertanian kepada sebuah negara yang lebih miskin di EU menjadi layak. Keistimewaan ini membolehkan Papandreu untuk memberi ganjaran kepada kumpulan-kumpulan gerakan sosial yang telah menderita dibawah pendudukan Axis (*Axis Occupation*) semasa Perang Dunia Kedua, perang saudara dan pemerintahan diktator junta tentera yang berlangsung dari tahun 1967 hingga 1974. Papandreu juga menganugerahkan ganjaran kepada kesatuan-kesatuan pekerja dan kumpulan berkepentingan yang menyokong parti sosialis baru beliau iaitu PASOK (Lynn:2011).

Dasar-dasar populis Papandreu menambahkan kumpulan-kumpulan penentang dan penyokong politiknya ke dalam kelas menengah terutamanya dengan mengembangkan sektor awam dengan kerja-kerja menarik dalam birokrasi kerajaan. Monolopoulos (2011) telah merujuk perkara ini sebagai "Hellenic Peronism" selari dengan dengan bekas Presiden Argentina Juan Domingo Peron yang terkenal memberi subsidi dan ganjaran kepada kumpulan-kumpulan berkepentingan

yang menyokong beliau. Di Greece sektor awam bertambah tidak berkesan, rasuah, lebih kakitangan dan pada masa yang sama meningkatkan kadar pencen dan gaji secara mendadak.

Selain itu, kesatuan sekerja telah diperkukuhkan dan sektor perbankan negara yang dikuasai telah digunakan untuk memberi subsidi perniagaan yang tidak menguntungkan. Kerajaan Greece mula membina defisit yang agak besar untuk menyokong pengembangan sektor awam. Dasar-dasar populis telah diikuti hampir semua parti politik sejak tahun 1981. Media mengkritik Papandreou kerana mewujudkan sektor awam yang membazir dan sia-sia.

Tahun 1970-an adalah dekad terburuk bagi Greece. Kejatuhan sistem Bretton Woods pada tahun 1971 dan penurunan nilai dolar AS, inflasi Greece meningkat daripada 4.3 peratus pada 1972 dan 15.5 peratus pada 1973. Pada masa yang sama berlaku krisis minyak dan kemelesatan tahun 1970-an merosotkan kestabilan ekonomi Greece (Pagoulatos: 2003). Greece adalah sangat bergantung kepada minyak yang diimport dan kenaikan harga secara negatif menjejaskan ekonomi.

Pada tahun 1980, Greece melakukan deindustrialisasi dengan negara-negara Barat yang lain seperti industri pembuatan berpindah ke negara-negara di luar Eropah yang mana kos buruh lebih rendah (Jouganatos: 1992). Papandreou membina sektor awam kerana sektor ini pilihan yang paling murah dan paling bermanfaat dalam konteks sejarah. Struktur sistem ekonomi Barat telah mengubah dasarnya pada masa itu dan Greece mempunyai banyak pilihan dalam deindustrialisasi. Dari segi kewangan, deindustrialisasi memberi faedah kepada Greece untuk membina sektor awam yang kukuh dan tidak cuba untuk melabur dalam sektor swasta yang telah kehilangan daya saing kepada negara-negara BRIC.

Papandreou telah mengembangkan sektor awam untuk mengimbangi sektor swasta yang kian berkurangan. Selain itu, Greece menjadi negara sosialis pada ketika itu bertujuan untuk menyokong rakyat dan bukannya korporat berkepentingan. Papandreou sendiri mendapat manfaat dengan memberi pelbagai jawatan kepada penyokong parti pemerintah dalam sektor awam. Melalui cara begini, kerjaya politik beliau stabil namun, Greece menjadi sebuah negara berkebijakan yang boros. Dari sudut konteks sejarah, pembentukan hutang Greece bermula dari pengembangan sektor awam.

Pinjaman berlebihan

Meskipun “Hellenic Peronism” sering dikritik kerana pembentukan hutang awal yang bermula pada 1980-an, bebanan hutang mula meledak pada awal tahun 2000 apabila Greece mula menerima pakai mata wang euro. Media massa sering mengkritik kerajaan Greece yang meminjam dan berbelanja besar sejak menguna pakai euro. Kebanyakan perbelanjaan berlebihan menjurus kepada sektor awam. Satu gambaran keseluruhan krisis kewangan Greece telah diterbitkan dalam *The New York Times* menyatakan “asas krisis kembali kepada kekuatan euro dan kadar faedah tahap rendah yang berlaku berdekad-dekad yang lalu. Greece telah mengambil kesempatan daripada wang mudah ini untuk membuat pinjaman oleh para pengguna dan kerajaan

sehingga membina \$400 bilion dalam hutang” (Anon:2011). Wartawan daripada Weekly Standards Irwin Stelzer bersetuju “Greece bersemangat untuk menukar mata wang drachma kepada euro supaya Greece boleh meminjam dengan kadar faedah yang lebih rendah yang terdapat dalam keanggotaan zon euro dan membeli pinjaman” (Stelzer: 2010).

Ahli ekonomi dalam ulasan jurnal terbitan mereka memetik secara meluas tentang pinjaman berlebihan oleh Greece sebagai punca utama krisis (Athanassiou et. al : 2010). Menurut Gibson, Hall dan Tavlas (2011) penggunaan euro pada tahun 2001 oleh Greece kadar faedah dikurangkan secara mendadak. Kadar faedah nominal menurun daripada 20 peratus pada tahun 1994, pada masa Greece mengumumkan hasrat untuk menyertai zon euro, kadar faedah kurang daripada 3.5 peratus pada awal tahun 2005 (Gibson et al. 2011). Ini merupakan satu trend pinjaman pada kadar faedah yang rendah untuk Greece, terkumpul pada tahap hutang tidak mapan yang meningkat kepada krisis pada tahun 2009.

Isu-isu dengan peraturan penguatkuasaan EU

Kekurangan penguatkuasaan Perjanjian Pertumbuhan dan Kestabilan (*Stability and Growth Pact*) juga dilihat sebagai faktor yang menyumbang kepada tahap tinggi hutang Greece. Pada tahun 1997, anggota-anggota EU menerima pakai Perjanjian Pertumbuhan dan Kestabilan, satu perjanjian untuk meningkatkan pengawasan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan kewangan awam yang dinyatakan dalam “kriteria percantuman” 1992 Perjanjian Maastricht untuk EMU. Peraturan-peraturan meminta belanjawan defisit kerajaan tidak melebihi 3 peratus daripada KDNK dan hutang awam tidak melebihi 60 peratus daripada KDNK. Perjanjian Pertumbuhan dan Kestabilan 1997 dijelaskan dan dipercepatkan prosedur defisit lebihan yang akan digunakan untuk negara-negara anggota yang melepasi had defisit. Jika negara-negara anggota yang disifatkan telah mematuhi langkah-langkah pembetulan yang disyorkan oleh Suruhanjaya Eropah dan Kesatuan Eropah semasa prosedur defisit yang berlebihan, proses ini akhirnya boleh mengakibatkan denda sebanyak 0.5 peratus daripada KDNK (EC: 1997).

Selepas pelancaran euro pada tahun 1999, peningkatan jumlah negara anggota didapati menyukarkan had yang ditetapkan oleh perjanjian dipatuhi. Sejak tahun 2003, lebih daripada 30 prosedur defisit yang berlebihan diambil dan EU mendesak negara-negara anggota untuk menyatukan kewangan awam. Walaubagaimanapun, EU tidak pernah mengenakan sekatan kewangan terhadap mana-mana negara anggota kerana melanggar defisit. Kekurangan penguatkuasaan dipercayai telah menghadkan peranan EU terhadap negara anggota sehingga negara seperti Greece meningkat hutang.

Suruhanjaya Eropah (EC) memulakan prosedur defisit lebihan terhadap Greece pada tahun 2004 apabila Greece dilaporkan meyamak semula angka belanjawan defisit tahun 2003 kepada 3.2 peratus daripada KDNK. Di dalam laporannya, EC menyatakan bahawa “kualiti data awam tidak memuaskan.” Pejabat statistik EU. Eurostat mencatatkan bahawa data yang diberikan oleh Perkhidmatan Statistik Negara Greece tidak disahkan atau dipinda secara unilateral semenjak tahun 2000 (EC Report: 2004).

Semakan statistik seterusnya antara tahun 2004 dan 2007 mendedahkan bahawa Greece telah melanggar had 3 peratus pada setaip tahun sejak 2000 dengan defisit mengatasi pada kadar 7.9 peratus daripada KDNK pada tahun 2004. EC menyatakan hutang Greece telah melebihi 100 peratus daripada KDNK sebelum Greece menyertai euro. Semakan statistik juga telah menolak jumlah hutang. EU menutup prosedur defisit lebihan pada tahun 2007 bersama EC mengumumkan berpuas hati bahawa Greece telah mengambil langkah-langkah yang mencukupi “terutamanya yang bersifat kekal” dan defisit negara akan menjadi 2.6 peratus daripada KDNK pada tahun 2006 dan 2.4 peratus pada tahun 2007.

EC juga membuat kesimpulan bahawa pihak berkuasa statistik Greece menambahbaik prosedur mereka dan membawa kepada “satu keseluruhan data berkualiti tinggi”(EC Report:2007). EC membuka prosedur defisit lebihan yang baru pada tahun 2009 apabila defisit tahun 2007 direkodkan pada 3.5 peratus daripada KDNK dan prosedur yang berterusan dalam konteks keadaan semasa (EC:2009). Hal ini merujuk kepada masalah yang lebih luas dalam kesatuan kewangan tanpa kesatuan fiskal (Rebecca et al: 2010).

Penjelasan Menurut Teori Krisis Marxist

Teori krisis telah memainkan peranan penting dalam tradisi Marxist, tetapi pada masa yang sama teori ini menjadi salah satu bidang yang paling lemah dan kurang maju dalam penteorian Marxist (Simon Clarke: 1994). Kecenderungan terhadap krisis menyediakan titik permulaan bagi kajian awal ekonomi Karl Marx dan Engels pada 1857 tetapi teori ini tidak ada tempat dalam karyanya sendiri malah Marx tidak membentangkannya secara sistematik beserta dengan huraian tentang teori krisis (ibid). Walaubagaimanapun teori ini dikembangkan oleh sarjana dan tokoh selepas mereka.

Analisis Karl Marx terhadap sistem kapitalis sebagaimana yang dipersembahkan di dalam karyanya *A Contribution to The Critique of Political Economy and The Capital* telah memberi satu perbincangan luas dalam subjek ini (Joseph Vogiatzoglou: 2013) . Suatu hasil analisis penting beliau adalah satu pandangan jauh daripada kerosakan sistem kapitalis kerana percanggahan yang wujud. Teori Marx terhadap krisis kapitalisme menjadi subjek tafsiran berbeza dengan perbincangan berterusan yang digunakan ketika krisis seperti pada tahun 70an dan juga krisis semasa. Menurut Vogiatzoglou (2013), di dalam semua teori termasuk Marxist, kunci utama pembolehubah adalah kadar keuntungan. Walaupun peranan utama kadar keuntungan ini adalah perkara biasa dalam semua teori tetapi punca kejatuhan kadar keuntungan (*the fall in of rate of profit*) masih menjadi subjek perdebatan.

Teori krisis Marxist secara kasarnya boleh dikategorikan kepada 3 kategori:

1. Kurang Penggunaan/ Kekurangan Permintaan yang Cepak

Ciri-ciri utama teori ini adalah kewujudan terlalu banyak modal produktif dengan kombinasi kekurangan permintaan. Aspek-aspek ini adalah hasil daripada upah yang rendah dan pengagihan pendapatan yang tidak sama rata yang lebih merendahkan permintaan, kewujudan monopoli dan

kehabisan dalam keuntungan yang memematkan kerana lebih simpanan yang mengakibatkan permintaan pelaburan dikurangkan.

2. Perahan Keuntungan (*Profit Squeeze*)

Di dalam teori perahan keuntungan, kejatuhan kadar keuntungan berpunca daripada jurang antara pertumbuhan gaji dan pertumbuhan produktiviti. Teori perahan keuntungan menegaskan bahawa beberapa faktor yang menyebabkan kadar pertumbuhan upah kelas pekerja yang lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan produktiviti. Faktor-faktor ini termasuk peningkatan kekuatan kelas buruh, peningkatan kuasa tawar-menawar, peningkatan perlindungan sosial, kehabisan keuntungan produktiviti yang datang daripada inovasi teknologi tertentu dan terpecahnya perjanjian sosial dalam kalangan negara, pihak pemodal dan buruh yang menggalakkan produktiviti tetapi kini menyebabkan kurang usaha daripada buruh. Teori-teori ini sangat popular pada akhir “zaman kegemilangan” Perang Dunia Kedua. Dipercayai pada tahun 60an dan awal krisis lewat 70an adalah disebabkan peningkatan kelas pekerja dalam masyarakat secara sosial mahun secara kewangan pada dekad sebelumnya.

3. Teori Kadar Kejatuhan Keuntungan (*The Falling Rate of Profit Theory*)

Teori ini memberi tumpuan kepada komposisi organik dan modal dalam usaha menerangkan kadar kejatuhan keuntungan. Jika kadar keuntungan dinyatakan sebagai $R = S/K$, dengan S sebagai nilai lebihan (*surplus value*), K sebagai stok modal (*capital stock*) dan tulis $R = S/V \cdot K/V$, V: modal berubah (*variable capital*) maka kadar keuntungan dinyatakan sebagai hasil kadar pembahagian nilai lebihan (*rate of surplus value (RSV)*) melebihi komposisi modal organik (*organic composition of capital*). Teori kejatuhan kadar keuntungan mencadangkan bahawa modal organik akan menaikkan kadar lebih tinggi berbanding kadar nilai lebihan, oleh itu, kadar kejatuhan akan jatuh. Kenaikan modal organik datangnya daripada persaingan individu kapitalis. Persaingan ini untuk meningkatkan keuntungan individu akan memacu kepada perubahan teknikal ke arah peningkatan penggunaan jentera dan permodalan. Perubahan ini digabungkan dengan peningkatan buruh yang tidak produktif telah menyaksikan beberapa dekad yang lalu hasil peningkatan modal organik lebih cepat daripada kadar nilai lebihan (RSV), lalu mengurangkan kadar keuntungan.

$$R = \frac{II}{K} = \frac{(II)}{Y} \cdot \frac{(Y)}{Z} \cdot \frac{(Z)}{K}$$

R: kadar keuntungan

II: jumlah keuntungan

K: stok modal

Y: pengeluaran bersih


Z: saiz pengeluaran

Teori kurang penggunaan berhujah bahawa kadar keuntungan datang daripada kejatuhan kadar kapasiti penggunaan Y/Z , manakala teori perahan keuntungan menekankan kejatuhan saham keuntungan II/Y sebagai punca asas kejatuhan keuntungan dan teori kejatuhan kadar keuntungan

menjelaskan kejatuhan kadar keuntungan sebagai hasil peningkatan komposisi modal daripada K/Z.

Kes ekonomi Greece merupakan satu kajian kes yang menarik. Alasannya ialah wabak krisis ini dan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini seolah-olah ekonomi Greece lebih buruk berbanding ekonomi negara-negara Eropah yang lain. Penggunaan mata wang euro telah menyebabkan berlakunya defisit, pada masa yang sama meminjam daripada sektor awam dan swasta disebabkan kadar faedah yang rendah. Hutang awam tinggi, pengumpulan modal perlahan, berlaku ketaksamaan pendapatan dan sektor kewangan yang rapuh. Segala punca asas disebalik berlakunya semua yang dinyatakan di atas telah dalam karya-karya oleh Manitias(2013) dan Economakis et al (2013).


Manitias mengkaji tingkahlaku pembolehubah-pembolehubah utama Marxist untuk ekonomi Greece dalam tempoh menjangkau dari tahun selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua dan Perang Sivil Greece yang berakhir pada tahun 2009-2010. Tempoh ilam dekah dibezakan dan dianalisis mengikut pergerakan kadar keuntungan. Pengenalan teori dan sejarah diikuti dengan pemeriksaan empirikal pembolehubah Marxist dan akhirnya dianalisis oleh Maniatis. Oleh kerana kadar keuntungan adalah pembolehubah utama yang menggambarkan “kesihatan” ekonomi kapitalis, kadar keuntungan Greece telah dianalisis oleh Maniatis bagi tempoh 1958-2009. Hubungan kadar keuntungan dan KDK boleh dilihat dengan jelas pada Rajah 1 dibawah.



Rajah 1

(sumber: Maniatis: 2013)

Tahun 1958-1974 adalah tempoh “zaman kegemilangan” ekonomi Greece yang dicirikan oleh kadar keuntungan dan nilai lebihan yang tinggi. Trend kadar lebihan itu harus diperhatikan sepanjang pemeritahan diktator tentera (1967-1974). Ini boleh dilihat pada Rajah 2 dibawah.



Rajah 2 (Sumber : Maniatis :2013)

Economakis et al (2013) di dalam esei kajiannya *The Greek Economy and The Current Economic Crisis* mengkaji pembolehubah makroekonomi utama bagi tempoh 1960-2012. Matlamat mereka adalah untuk menyelidik daya saing, hutang awam dan keuntungan dalam usaha untuk mengenal pasti faktor-faktor yang memberi kesan kepada kadar keuntungan dalam tempoh pertumbuhan dan kemelesetan.

Melalui tempoh ‘zaman kegemilangan’ kadar keuntungan meningkat pada tahap yang tidak lagi dicapai (13-15%). Pada masa yang sama, K/Y secara relatifnya kekal pada tahap paling rendah daripada seluruh tempoh yang diteliti dalam kertas kajian. Purata gaji rendah tetapi sedang meningkat walaubagaimanapun, lebih rendah berbanding produktiviti buruh, menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam kadar nilai lebihan.

Pada tahun-tahun krisis. Kadar keuntungan berdepan dengan kejatuhan manakala komposisi modal dan saham buruh dalam peningkatan produk bersih. Peningkatan produktiviti tidak cukup untuk mengimbangi peningkatan dalam komposisi modal dan purata gaji. Pada tahun pemulihan, para sarjana mengambil perhatian bahawa kadar keuntungan mengikut trend yang makin meningkat tetapi pada tahap lebih rendah berbanding pada tempoh “zaman kegemilangan”. Komposisi modal sedikit jatuh tetapi masih pada tahap yang tinggi menunjukkan penurunan nilai modal yang diperlukan bagi membolehkan kadar keuntungan menghadapi pemulihan penuh. L/Y jatuh dan kadar nilai lebihan meningkat lagi disebabkan oleh pelaksanaan dasar-dasar neoliberal yang meningkatkan jurang antara produktiviti buruh dan purata gaji.

Permulaan krisis yang berlaku pada tahun 2007, kadar keuntungan jatuh mendadak dan K/Y meningkat ketara disebabkan oleh kesan gabungan peningkatan komposisi modal dan

pengurangan dalam produktiviti pekerja. Produktiviti jatuh diikuti dengan purata gaji. Pada bahagian empirikal, kesan saham keuntungan, komposisi modal, nisbah penggunaan kapasiti, nisbah eksport melebihi import, nisbah keuntungan dinilai. Saham keuntungan menunjukkan kesan bahawa purata gaji mempunyai keuntungan dan berkait rapat dengan teori perahan keuntungan. Hasil analisis ekonometrik terhadap penjelasan krisis perahan keuntungan sejak saham keuntungan adalah tinggi. Kurang penggunaan membawa kepada penggunaan modal yang lebih rendah. Oleh itu, komposisi modal material meningkat. Komposisi modal menerima kesan paling rendah antara tiga pembolehubah. Kesan nisbah eksport-import menunjukkan kesan produktiviti buruh kepada keuntungan adalah positif tetapi secara praktiknya tidak signifikan. Oleh itu, produktiviti buruh, persaingan antarabangsa dan kekurangan daya saing tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk pelbagai kadar keuntungan.

KESIMPULAN

Teori krisis Marxist masih belum diterokai sepenuhnya lagi. Kertas ini adalah lanjutan kepada kajian sarjana-sarjana sebelum ini yang menyelidik kesan pembolehubah-pembolehubah utama ekonomi mengikut teori politik ekonomi Marxist. Mereka mengkaji kadar keuntungan yang mana dikenalpasti oleh teori Marxist sebagai pembolehubah keterangan utama daripada jalan ekonomi kapitalis. Pendekatan mereka berbeza terutama diperingkat teori. Maniatias menggunakan pendekatan teori kejatuhan kadar keuntungan (FRoP) dan manakala Economakis mengkaji gabungan FRoP dengan teori perahan keuntungan. Mereka berdua menolak hujah kurang penggunaan (*underconsumption*) Perbezaan utama terletak pada isu buruh tidak produktif. Jelas bahawa samada seseorang melakukan atau tidak menerima kerja yang tidak produktif boleh memberi kesan kepada hasil analisis ekonometrik dan mungkin punca utama perbezaan dalam hasil kajian empirikal.

Secara keseluruhan, kesemua kajian berhujah bahawa penjelasan krisis arus perdana tidak tepat dan krisis besar adalah sistemik. Penyalahgunaan kewangan, kekurangan permintaan agregat, neoliberalisme dan hujah-hujah berkaitan dengan Keynesian dan hujah radikal ditolak kerana dikenalpasti oleh kebanyakan sarjana bahawa ini adalah kesan jalan kapitalisme yang bermasalah diikuti berdekad-dekad lalu cuba digunakan pada krisis tahun 60-an dan 70-an.

Prospek segera dan jangka panjang adalah suram kerana kedua-dua sektor awam dan isi rumah adalah dibebani dengan hutang dan oleh itu perbelanjaan dikurangkan secara drastik, pelaburan tidak digalakkan, kerana keuntungan rendah dan permintaan lemah dan eksport bersih kronik terutama sejak kemasukan Greece ke dalam Komuniti Ekonomi Eropah (EEC), Kesatuan Eropah (EU) dan menerima pakai mata wang euro sebagai mata wang negara. Negara ini dikenalpasti berada dalam tahun kelima kemelesetan yang mendalam, dengan kadar pengangguran sebanyak 27 peratus, potongan gaji drastik dalam sektor swasta dan awam dan hutang awam meningkat (Maniatias:2013). Hanya sistem politik yang pesat mampu ditangani dalam keadaan ekonomi merosot. Salah satu cara adalah melakukan transformasi politik dan ekonomi radikal ke arah sosialisasi yang lebih besar dalam sektor-sektor strategi ekonomi memandangkan bahawa parti-

parti politik kiri anti kapitalis mesti mencapai kata sepakat untuk mobilisasi besar-besaran dan tindakan politik bersama.

RUJUKAN

- Anon. 2011b. "NY Times Greece." Greece. Retrieved August 9, 2011. Diambil pada 10 September 2014.
<http://topics.nytimes.com/top/news/international/countriesandterritories/greece/index.html>).
- Athanassiou, Ersi. 2009. "Fiscal policy and the recession: The case of Greece." *Intereconomics* 44(6):364-372. Diambil pada 12 September 2014.
- Clogg, Richard, ed. 1993. *Greece, 1981-89*. St. Martin's Press. Diambil pada 19 September 2014.
- Donadio, Rachel and Steven Erlanger. 2011. "Some Greeks Fear Government is Selling Nation". *The New York Times*, June 22. Diambil pada 1 September 2014.
http://www.nytimes.com/2011/06/23/world/europe/23greece.html?_r=1&emc=tnt&tntemail=1
- Economakis, G., Androulakis, G., Markaki, M. (2013) *An Essay on the Character of the Contemporary Crisis of the Greek Economy and on the Factors that Affect Profitability Over the Last Decades*, in *Marxism and Greek Economic Crisis*, Athens: Gutenberg
- European Commission, *Report from the Commission: Greece*, Brussels, May 19, 2004. Diambil pada 19 September 2014. http://ec.europa.eu/economy_finance/sgp/pdf/30_edps/104-03/2004-05-19_el_104-3_en.pdf.
- European Commission, *Recommendation for a Council Decision Abrogating Decision 2004/917/EC 9 on the Existence of an Excessive Deficit in Greece*, Brussels, May 16, 2007. Diambil pada 18 September 2014.
http://ec.europa.eu/economy_finance/sgp/pdf/30_edps/104-12_commission/2007-05-16_el_104-12_commission_en.pdf
- Gibson, Heather, Stephen Hall, and George Tavlas. 2011. "The Greek financial crisis: Growing Imbalances and Sovereign Spreads." Diambil pada 10 September 2014.
- Greek Ministry of Finance. January 2010. *Update of Hellenic Stability and Growth Programme*. Diakses pada 15 Ogos 2014.
http://www.mnec.gr/export/sites/mnec/en/economics/growth_programme_2005-8/2010_01_15_SGP.pdf.
- IMF, *World Economic Outlook*. October 2009. *Sustaining the Recovery*. Diakses pada Ogos 2014.
- IMF, "Europe and IMF Agree €110 Billion Financing Plan With Greece," *IMF Survey* online, May 2, 2010. Diakses pada 10 Ogos 2014.
<http://www.imf.org/external/pubs/ft/survey/so/2010/car050210a.htm>
- Jouganatos, George. 1992. *The Development of the Greek Economy, 1950-1991*. Westport, CT: Greenwood Press. Diambil pada 19 September 2014.
- Joseph Vogiatzoglou. 2013. *Marxism and the Economic Crisis*. Marxist Economics. UadPhilEcon. Diambil pada 10 September 2014.
- Lynn, Matthew. 2011. *Bust: Greece, the Euro, and the Sovereign Debt Crisis*. New Jersey: John Wiley & Sons. Diambil pada 19 September 2014.

- Mahani Zainal Abidin. 2011. *Krisis Greece Ancam Dunia*. Utusan Online. Diambil pada 7 September 2014.
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1002&sec=Rencana&pg=re_01.htm
- Maniatis, Th., Passas, C. *Profitability, Capital Accumulation and Crisis in the Greek Economy 1958-2009: A Marxist Analysis*. Diambil pada 11 September 2014.
- Maniatis, Th. (2012) *Marxist Theories of Crisis and the Current Economic Crisis*, Forum For Social Economics, 40/1, Routledge/Taylor and Francis. Diambil pada 11 September 2014.
- Manolopoulos, Jason. 2011. *Greece's "Odious" Debt*. Anthem Press. Diambil pada 17 September 2014.
- OECD Economic Survey: Greece," OECD, May 2007. Diakses pada 16 Ogos 2014.
- OECD Economic Survey: Greece," OECD, July 2009. Diakses pada 16 Ogos 2014.
- Pagoulatos, George. 2003. *Greece's New Political Economy*. New York, New York: Palgrave Macmillan. Diambil pada 17 September 2014.
- Rebecca M. Nelson, Paul Belkin, Derek E. Mix. *Greece's Debt Crisis: Overview, Policy Responses and Implications*. Congressional Research Service.
- Resolution of the European Council on the Stability and Growth Pact*, Amsterdam, June 19, 1997, Council Regulation (EC) 1466/97, and Council Regulation (EC) 1467/97. Diambil pada 19 September 2014. http://ec.europa.eu/economy_finance/sgp/legal_texts/index_en.htm.
- Simon Clarke. *Marx's Theory of Crisis*. Macmillan, Basingstoke, 293pp. Diambil pada 9 September 2014.
- Stelzer, Irwin. 2010. "Greece's Financial Crisis: Tragedy or Farce?" *The Weekly Standard*, Diambil pada 10 September 2014.
 (<http://www.weeklystandard.com/articles/greece%E2%80%99s-financial-crisis>)
- Vivudh Bhatia. *Understanding The Financial Crisis, Post Crisis Policy Implications and Analysis of Public Comments*. Swiss Federal Institute of Technology Zurich.